



GAYA HIDUP

ARKIB : 07/09/1999

Kakitangan IAB gagal ujian dihantar ke kelas pemulihan

Abd. Rahim menggantikan Datuk Dr. Ibrahim Bajunid yang bersara. Beliau merancang, ujian itu boleh dilakukan setelah 100 hari beliau menjadi pengarah IAB.

Soalan-soalan akan berkisar kepada sekitar latar belakang IAB, fungsi IAB dan lain-lain yang berkaitan.

"Staf yang gagal akan dihantar ke kelas pemulihan," katanya.

Tegas beliau, "kalau tak kenal, kita tak cintakan IAB. Kita mesti mengenal IAB".

Wawancara beliau dengan Berita IAB bilangan 1 September, turut memetik Abd. Rahim sebagai berkata, beliau mahu IAB terkenal dengan urusan terasnya memberi latihan pengurusan dan kepimpinan kepada guru besar dan pengetua.

"Kita akan membawa IAB ke alaf baru dengan memberikan perhatian kepada pandangan Ketua Pengarah Pendidikan," ujar beliau.

Beliau bersyukur kerana dapat bertugas semula di IAB setelah lebih empat tahun meninggalkan tugas di Institut Perguruan Sultan Idris (IPSI) dan di Pusat Serantau Pendidikan Sains dan Matematik (RECSAM).

Abd. Rahim memberitahu, pada 1985, beliau sendirilah yang memilih untuk berkhidmat di IAB.

"Pada 1994, saya pernah ditugaskan di RECSAM, tetapi saya menolak," katanya.

Wawancara dengan wartawan Berita IAB itu turut mencatatkan falsafah beliau bahawa, " di mana sahaja kita bertugas, kita perlu bekerja dengan jujur dan penuh tanggungjawab."

Abd. Rahim mengakui bahawa semasa berkhidmat di IAB dahulu, iaitu sebagai ketua Jabatan, Jabatan Teknologi Latihan dan kemudiannya sebagai timbalan pengarah, pemikirannya berbeza.

Selain itu, kata Abd. Rahim, IAB mesti memperhebat latihan guru besar dan pengetua bagi menangani perubahan kepimpinan menjelang alaf baru.

"Beberapa perubahan perlu difikirkan supaya tumpuan IAB melatih guru besar dan pengetua sekolah dalam bidang pengurusan dan kepemimpinan dapat diteruskan," ujarnya.

"Kakitangan IAB perlu bekerja keras dengan menggabungkan pemikiran positif, possibility thinking dan power thinking," katanya ketika menyampaikan amanat sulungnya sebagai pengarah kepada staf IAB di dewan besar institut itu, baru-baru ini.

Dr. Abd. Rahim, 54, dilahirkan di Melaka. Sebelum ini dia bertugas sebagai Pengarah RECSAM, Pulau Pinang.

Beliau pernah berkhidmat di IAB sebagai Ketua Jabatan Teknologi Latihan (1985-1992) dan sebagai Timbalan Pengarah (1992-1994) sebelum dilantik menjadi Pengetua Institut Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim.

Dr. Abd. Rahim graduan Universiti Malaya (UM) pada 1971 dalam bidang Geografi. Beliau kemudian melanjutkan pelajaran di University Maryland, Amerika Syarikat (AS) dalam bidang Sains Perpustakaan (1979). Beliau memperoleh Kelulusan Doktor Falsafahnya dari California Coast University, AS pada 1990 dalam bidang kurikulum.

Artikel Penuh:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=1999&dt=0907&pub=utusan_malaysia&sec=Gaya_Hidup&pg=ls_01.htm#ixzz2vjAXhkil

© Utusan Melayu (M) Bhd